



~~~~~

## **TATACARA PERMOHONAN**

### **KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM - MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2022**

#### **1. PENGENALAN**

- 1.1. Tatacara permohonan ini dibuat berdasarkan Prosedur 5 (b), Prosedur Kebenaran Mengajar Agama Islam Majlis Islam Sarawak, 2022, yang mana Jawatankuasa Pentauliahan Mengajar Agama Islam - Majlis Islam Sarawak (JPMAI-MIS) boleh menetapkan apa-apa terma, syarat dan sekatan bagi pengeluaran sesuatu kebenaran mengajar.
- 1.2. Tatacara permohonan ini untuk mengurus permohonan Kebenaran Mengajar Agama Islam di Sarawak.

#### **2. PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM**

- 2.1. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui aplikasi Khidmat Islam Sarawak (KISWA): Modul Tauliah/ Kebenaran Mengajar di alamat url: <http://kiswa.sarawak.gov.my>.
- 2.2. Permohonan baharu dan lanjutan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Agama Islam Sarawak selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum aktiviti mengajar atau ceramah diadakan.
- 2.3. Bahagian Dakwah, JAIS hendaklah menjalankan kajian latar belakang pemohon yang merangkumi pengesahan perkara-perkara berikut:
  - 2.3.1. Sijil kelayakan akademik pengajian Islam tertinggi;
  - 2.3.2. Tauliah Kebenaran Mengajar Agama Islam dari negeri-negeri lain (jika ada); dan
  - 2.3.3. Rakaman audio atau visual ceramah atau penerbitan terdahulu atau penulisan penceramah.

## **2.4. Ujian Kelayakan**

- 2.4.1. Panel Ujian yang dilantik oleh JPMAI-MIS hendaklah menentukan mana-mana calon pengajar dan penceramah untuk menjalani Ujian Penilaian.
- 2.4.2. Panel Ujian bolehlah memberi pengecualian sekiranya berpuashati mana-mana calon pengajar dan penceramah mempunyai kelayakan yang sesuai dengan kategori tauliah dan bidang mengajar
- 2.5. Setelah kajian latar belakang dan Ujian Penilaian dibuat, sekiranya didapati pemohon;
  - 2.5.1. Tiada isu atau keraguan, Bahagian Dakwah, JAIS bolehlah mengesyorkan kepada Setiausaha Majlis untuk pertimbangan kelulusan Kebenaran Mengajar Agama Islam dan hendaklah dikemukakan kepada JPMAI-MIS;
  - 2.5.2. Jika ada isu atau keraguan, permohonan hendaklah dirujuk kepada Panel Penilai yang dilantik oleh JPMAI-MIS untuk membuat penilaian permohonan.
  - 2.5.3. Panel Penilai boleh menjemput mana-mana individu yang perlu untuk membantu dalam proses penilaian.
- 2.6. Bahagian Dakwah, JAIS hendaklah mengesyorkan hasil kajian latar belakang, Ujian Kelayakan dan penilaian panel kepada JPMAI-MIS untuk pertimbangan Kebenaran Mengajar Agama Islam.
- 2.7. JPMAI-MIS bolehlah menetapkan atau mengubah kategori tauliah atau bidang-bidang pengkhususan pengajaran tertentu bagi calon pengajar dan penceramah.

## **3. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG KEBENARAN MENGAJAR**

- 3.1. Pemegang Kebenaran Mengajar hendaklah mematuhi semua peraturan kebenaran mengajar agama dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 3.2. Pemegang Kebenaran Mengajar hendaklah mematuhi semua undang-undang di Malaysia termasuklah berkaitan Imigresen.

#### **4. TANGGUNGJAWAB PENGANJUR AKTIVITI MENGAJAR AGAMA ISLAM**

- 4.1. Penganjur hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Pemegang Kebenaran Mengajar.
- 4.2. Penganjur hendaklah memantau Pemegang Kebenaran Mengajar dari semasa ke semasa.
- 4.3. Penganjur hendaklah memastikan semua bahan hebahan aktiviti mengajar agama mengandungi maklumat No. Kebenaran Mengajar dan tarikh tamat kebenaran.

#### **5. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN**

- 5.1. Bahagian Dakwah, JAIS dan Pejabat Agama Islam Bahagian (PAIB) hendaklah memantau pengajaran Pemegang Kebenaran Mengajar dari semasa ke semasa.
- 5.2. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) hendaklah menjalankan penguatkuasaan sekiranya berlaku mana-mana pelanggaran berkaitan kebenaran mengajar agama dan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

#### **6. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN**

- 6.1. Kebenaran Mengajar Agama seseorang boleh digantung oleh JPMAI-MIS sekiranya disyaki melakukan apa-apa perkara yang melanggar kaedah dan syarat-syarat Kebenaran Mengajar Agama yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 6.2. Bahagian Dakwah, JAIS hendaklah membuat pengesahan tentang pelanggaran berkenaan dan sekiranya didapati tidak benar maka JPMAI-MIS hendaklah menarik semula penggantungan tersebut.
- 6.3. Kebenaran Mengajar Agama seseorang boleh dibatalkan oleh JPMAI-MIS sekiranya disah telah melakukan apa-apa perkara yang melanggar kaedah dan syarat-syarat Kebenaran Mengajar Agama yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 6.4. Sebelum pembatalan dibuat, JPMAI-MIS hendaklah mengarahkan Pemegang Kebenaran Mengajar Agama untuk mengemukakan surat tunjuk sebab mengapa Kebenaran Mengajar Agama tidak boleh dibatalkan.

- 6.5. Setelah menerima dan mempertimbangkan surat tunjuk sebab, JPMAI-MIS hendaklah membuat keputusan mengenai status Kebenaran Mengajar berkenaan
- 6.6. Segala keputusan penggantungan, menarik balik penggantungan dan pembatalan hendaklah buat melalui notis bertulis.

## **7. ADUAN DAN MAKLUM BALAS**

Sebarang aduan dan maklum balas berkaitan hal ehwal mengajar agama Islam bolehlah dikemukakan ke emel rasmi JAIS: [kgjaishq@sarawak.gov.my](mailto:kgjaishq@sarawak.gov.my)

## **8. PEMAKAIAN DAN PENGGUNAAN**

Pemakaian prosedur ini berkuatkuasa mulai 01 Mac 2023 bersamaan 08 Syaaban 1444H sehingga mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

Arahan  
Majlis Islam Sarawak  
01 Mac 2023 bersamaan 08 Syaaban 1444H